

Utusan Sarawak

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1	RUANGAN	Pempantam

Pengurusan jemaah haji Sarawak lancar

KUCHING, Isnin — Lembaga Tabung Haji (TH) Sarawak memberi jaminan pengurusan seramai 803 jemaah haji dari negeri ini berjalan lancar berikutan Majlis Islam Sarawak (MIS) turut menghantar wakil mereka untuk mengendalikannya semasa berada di Mekah.

Pengarah Lembaga TH Negeri Sarawak, Haji Hamid Awang berkata, hanya negeri ini yang menyediakan perkhidmatan pembimbing ibadat haji bertujuan untuk membantu jemaah memahami syarat-syarat ibadah haji di tanah suci.

"Lembaga TH Sarawak menganahkan MIS untuk menghantar pembimbing ibadat haji yang berkecayaan sebagai langkah menyediakan perkhidmatan terbaik dalam membantu jemaah haji melaksanakan haji mabrur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Al-Wida Pembimbing Ibadat Haji di MIS di sini, hari ini.

Hamid berkata, sejak tahun 1990, MIS telah menghantar beberapa orang

pembimbing ibadat haji untuk memberikan perkhidmatan khas selain ditugaskan sebagai pakar rujuk kepada jemaah haji khususnya dari negeri Sarawak.

"Tahun ini, kami memilih tiga orang pembimbing ibadat haji dari kalangan agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Pejabat Majlis Islam Sarawak dan seumpamanya supaya mereka dapat membimbing jemaah haji dengan bagus," katanya.

Selain itu, Hamid menambah, persiapan lain yang turut dilakukan oleh Lembaga TH adalah dengan menyediakan beberapa kursus seperti kursus asas, insentif dan perdana kepada jemaah haji bagi memastikan mereka diberi pendedahan mengenai ibadat haji.

"Usaha ini dilakukan supaya jemaah haji memperoleh maklumat dan kefahaman sebelum menunaikan haji," ujarnya.

Kata Hamid, pihaknya kini hanya menunggu masa untuk jemaah berangkat pergi menunaikan haji.

"Bagi penerbangan pertama, seramai

447 jemaah haji akan menaiki pesawat KT40 yang dijadualkan berlepas pada 27 September ini, jam 8.30 pagi. Mereka dijangka akan tiba di Madinah pada jam 12.30 malam waktu Malaysia," katanya.

Manakala, untuk penerbangan kedua, Hamid memberitahu seramai 356 jemaah haji dijadual berlepas pada 2 Oktober depan, jam 12.30 tengah hari dan dijangka tiba di Jeddah pada jam 4.30 petang waktu Malaysia.

Sementara itu, Yang Dipertua MIS, Datu Haji Putit Matzen menasihatkan supaya pembimbing Ibadat Haji yang dilantik akan menjalankan tugas dengan baik dalam membantu Lembaga TH menguruskan jemaah haji ketika berada di tanah suci.

Kata Putit, pembimbing bertindak sebagai perantara antara jemaah haji dengan Lembaga TH.

"Mereka turut ditugaskan untuk membantu segelintir jemaah haji yang kurang memahami Bahasa Malaysia dengan menterjemahkan kepada bahasa yang mereka faham iaitu bahasa Orang Sarawak," katanya.



PEMBIMBING HAJI ... Datu Haji Putit Matzen meluangkan masa bersama tiga pembimbing haji Majlis Islam Sarawak (MIS), selepas majlis penyerahan pakatan seragam pembimbing ibadat haji sempena Majlis Al-Wida Pembimbing Ibadat Haji MIS, di Kuching, semalam. Turut kelihatan Haji Kpiti Haji Yassin, Haji Abdul Hamid Awang, Datu Haji Jorgi Suhaili, Abang Shamsudin dan Datu Dr.Haji Adil Badozaman Tuah. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI